



14 Februari 2018
14 February 2018
P.U. (A) 38

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) 2018

INCOME TAX (EXEMPTION) ORDER 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengeccualian) 2018**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2014 hingga tahun taksiran 2015.

Pengeccualian

2. (1) Menteri mengeccualikan orang yang disebut dalam subperenggan (2) dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada peruntukan subseksyen 54A(1) dan (2) Akta dan daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada punca perniagaan kapal Malaysia.

(2) Orang yang disebut dalam subperenggan (1) ialah seseorang yang bermastautin di Malaysia yang menjalankan perniagaan—

(a) mengangkut penumpang atau kargo melalui jalan laut atas suatu kapal Malaysia; atau

(b) menyewakan kapal Malaysia yang dimilikinya untuk pelayaran atau berdasarkan sewa mengikut tempoh.

(3) Tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang yang disebut dalam perenggan ini daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau untuk memberikan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.